



ABU HASSAN (kiri) dan Shaiful bertukar dokumen perjanjian sambil diperhatikan oleh Zaharah.. - Gambar oleh Edmund Samunting

## Potensi rumpai laut perlu dieksploitasi

Oleh Suzianah Jiffar

KOTA KINABALU: Industri hiran berasaskan rumpai laut perlu dimanfaatkan sepenuhnya berikutan 70,000 hektar perairan Sabah ditumbuhi rumpai itu bagi dijadikan pelbagai produk kesihatan dan makanan sesuai.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Abdul Rahim Ismail, berkata rumpai laut Sabah juga dikenal pasti dari jenis yang terbaik.

Berikutan itu, katanya, sebarang kerjasama syarikat swasta dengan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi membangunkan potensi produk itu amat dialu-alukan.

"Kerjasama antara UMS dengan Zisha International Cosmetic Sdn Bhd (Zisha) dalam membangunkan rumpai laut untuk dijadikan alat kosmetik, diyakini mampu mengeksploitasi sepenuhnya rumpai laut tempatan.

"Saya berharap usaha sama ini diikuti agensi lain bagi mempercepat lagi pembangunan industri rumpai laut di Sabah," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum perjanjian dengan Zisha, syarikat kosmetik ber-

pangkalan di Kuala Lumpur di UMS di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, UMS diwakili Naib Canselornya, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman, manakala Zisha diwakili Pengarah Urusan Zisha Seri Guna Sdn Bhd, Datuk Shaiful Nizam Abdullah dan Pengarah Urusan Zisha Institut Kosmetik Sdn Bhd, Datin Zaharah Othman. Menerusi memorandum itu, UMS dan Zisha akan mengkomersialkan produk rumpai laut Sabah menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mengeksploitasi sepenuhnya industri akuakultur itu.

Ini termasuk menjalankan R&D untuk mendapatkan gel dan bahan penting daripada rumpai laut bagi dijadikan produk kosmetik, termasuk memasarkan produk yang dikeluarkan hasil usaha sama berkeajaan.

Produk kosmetik membabitkan set penjagaan muka dan badan hasil usaha sama itu menggunakan ekstrak rumpai laut yang dikultur di perairan Sabah serta dijangka berada di pasaran tidak lama lagi.

Abdul Rahim berkata, usaha sama UMS dan Zisha satu petanda baik bagi membangunkan industri rumpai laut, sekali gus menjadi penjana eko-

nomi negeri.

"Pada masa sama, kita berharap pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta institusi pengajian tinggi (IPT) yang membuat penyelidikan ke atas rumpai laut di negeri ini berupaya menarik pelabur tempatan dan luar negara," katanya.

Sambil berharap industri rumpai laut di Sabah mampu mencapai tahap membanggakan, Abdul Rahim berkata ia akan jadi kenyataan menerusi sokongan penuh agensi kerajaan negeri dan Persekutuan seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan Sabah.

Abdul Rahim berkata, industri rumpai laut Sabah dikenal pasti sebagai satu komponen yang terpenting dalam melaksanakan program Zon Industri Akuakultur (ZIA) negara.

Abu Hassan pula berkata, rumpai laut yang dikultur di perairan Sabah sesuai dijadikan bahan dalam produk kosmetik serta diproses di makmal bioteknologi Institut Penyelidikan Maritim Borneo, UMS.

Setakat ini UMS sudah mengeluarkan 14 produk berasaskan rumpai laut seperti biskut, gula-gula dan keropok serta terbaru, kosmetik.